



## **GARIS PANDUAN UMUM**

### **1.0 PENGENALAN**

Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) buat julung kalinya akan menganjurkan Bintulu Sustainability Award (BiSA) yang sejajar dengan Pelan Strategik BDA 2024-2030, Post COVID-19 Development Strategy 2030 (PCDS 2030) dan Sustainable Development Goals (SDG) dan Environmental, Social and Governance (ESG). Sebagai hab perindustrian rendah karbon, Bintulu bukan sahaja harus bertanggungjawab terhadap alam sekitar, tetapi juga pusat kepada komuniti yang berkembang maju, di mana peluang boleh diakses oleh semua, dan kesejahteraan setiap individu diutamakan.

### **2.0 TUJUAN**

Tujuan penganjuran anugerah tersebut adalah untuk memberi pengiktirafan kepada perusahaan, sekolah, komuniti dan individu di Bahagian Bintulu yang telah memberikan sumbangan besar dan signifikan dalam kemampan elemen Sustainable Development Goals (SDG) dan Environmental, Social and Governance (ESG).

### **3.0 OBJEKTIF ANUGERAH BiSA 2024**

Objektif anugerah adalah untuk:

- a) Mengiktiraf peserta yang telah memberi sumbangan besar kepada pengurusan mampan di Bahagian Bintulu;
- b) Mengintegrasikan pengurusan mampan ke dalam perusahaan, sekolah, komuniti dan individu;
- c) Menerapkan peranan inovasi dan kreativiti serta menggalakkan kemunculan teknologi baru;
- d) Meningkatkan kesedaran dan memupuk sikap positif terhadap pengurusan mampan.

## 4.0 KATEGORI ANUGERAH

BiSA 2024 menampilkan empat (4) kategori anugerah utama iaitu Perusahaan, Sekolah, Komuniti dan Individu. Perusahaan terbahagi kepada tiga (3) sub-kategori berdasarkan saiz perusahaan (Besar, Sederhana dan Kecil). Sekolah adalah dibahagikan kepada dua (2) sub-kategori: Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah. Satu (1) kategori masing-masing untuk Komuniti dan Individu.

## 5.0 PERINCIAN KATEGORI

**5.1 PERUSAHAAN** Subkategori (Besar, Sederhana dan Kecil) untuk perusahaan adalah berdasarkan nilai pelaburan, bilangan pekerja sepenuh masa dan beroperasi di Bahagian Bintulu. Klasifikasi ini ditentukan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA).

**a. Perusahaan Besar**

Sebuah perusahaan dengan nilai pelaburan melebihi RM 200 Juta atau bilangan pekerja sepenuh masa melebihi 75 orang.

**b. Perusahaan Sederhana**

Sebuah perusahaan dengan nilai pelaburan kurang dari RM 200 Juta dan bilangan pekerja sepenuh masa 30 - 74 orang.

**c. Perusahaan Kecil**

Sebuah perusahaan dengan nilai pelaburan kurang dari RM 200 Juta dan bilangan pekerja sepenuh masa 5 - 29 orang.

**5.2 SEKOLAH** Terbuka kepada semua jenis sekolah menengah dan sekolah rendah yang berada di Bahagian Bintulu.

**5.3 KOMUNITI** Terbuka kepada komuniti berdaftar di bawah Pejabat Daerah Bintulu, Tatau dan Sebauh.

**5.4 INDIVIDU** Terbuka kepada individu yang menetap di Bahagian Bintulu.

## 6.0 FAEDAH PEMENANG

Terdapat EMPAT (4) kategori hadiah:

**a. Hadiah Utama (Diamond)**

Wang tunai berbentuk geran, Trofi, dan Sijil Pencapaian

**b. Hadiah Kedua (Platinum)**

Trofi, Sijil Pencapaian dan Kursus/Seminar Kelestarian percuma anjuran BDA (2 orang dalam tempoh 1 tahun)

**c. Hadiah Ketiga (Emas)**

Trofi, Sijil Pencapaian dan Kursus/Seminar Kelestarian percuma anjuran BDA (1 orang dalam tempoh 1 tahun)

**d. Hadiah Keempat (Perak)**

Plak dan Sijil Pencapaian

**e. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.**

## 7.0 PENILAIAN PENYERTAAN ANUGERAH

Penilaian penyertaan anugerah terbahagi kepada dua (2) tahap iaitu:

<b>Kategori</b>	<b>Tahap 1</b>	<b>Tahap 2</b>
Perusahaan (Besar/Sederhana)	LPK	LT
Perusahaan (Kecil)	LT	LT
Sekolah (Sekolah Menengah/Rendah)	LPK	LT
Komuniti	LPK	LT
Individu	LPK	LT

LPK : Laporan Penilaian Kendiri

LT : Lawatan Tapak

### 7.1 PENILAIAN TAHAP 1: LAPORAN PENILAIAN KENDIRI (LPK)

**Kategori Perusahaan Besar dan Sederhana**

Laporan Penilaian Kendiri (LPK) perlu disediakan oleh peserta yang mengambil bahagian dalam kategori Perusahaan (Besar dan Sederhana). Laporan dinilai berdasarkan satu set kriteria yang disediakan oleh BiSA dan hanya peserta yang disenarai pendek akan diteruskan ke Penilaian Tahap 2. Laporan hendaklah dihantar dalam satu (1) salinan lembut (soft copy) dan satu (1) salinan cetak untuk penilaian ke alamat dan emel rasmi Sekretariat BiSA.

### **Kategori Perusahaan Kecil**

Khusus kepada premis makanan, berdasarkan laporan penilaian tahunan yang mendapat penggredan A yang mengambil bahagian dalam kategori perusahaan kecil. Laporan dinilai berdasarkan satu set kriteria yang disediakan oleh BiSA dan hanya peserta yang disenarai pendek akan diteruskan ke Penilaian Tahap 2.

### **Kategori Sekolah**

Laporan Penilaian Kendiri (LPK) perlu disediakan oleh peserta yang mengambil bahagian dalam kategori sekolah. Laporan dinilai berdasarkan satu set kriteria yang disediakan oleh BiSA dan hanya peserta yang disenarai pendek akan diteruskan ke Penilaian Tahap 2. Laporan hendaklah dihantar dalam satu (1) salinan lembut (soft copy) untuk penilaian ke emel rasmi Sekretariat BiSA.

### **Kategori Komuniti**

Laporan Penilaian Kendiri (LPK) yang telah disediakan oleh BiSA perlu dilengkapkan oleh peserta. Hanya peserta yang disenarai pendek akan diteruskan ke Penilaian Tahap 2. Penilaian berdasarkan satu set kriteria yang disediakan oleh BiSA. Laporan hendaklah dihantar untuk penilaian ke alamat rasmi Sekretariat BiSA.

### **Kategori Individu**

Laporan Penilaian Kendiri (LPK) yang telah disediakan oleh BiSA perlu dilengkapkan oleh peserta. Hanya peserta yang disenarai pendek akan diteruskan ke Penilaian Tahap 2. Penilaian berdasarkan satu set kriteria yang disediakan oleh BiSA. Laporan hendaklah dihantar untuk penilaian ke alamat rasmi Sekretariat BiSA.

## **7.2 PENILAIAN KESELURUHAN**

Laporan penilaian anugerah adalah sulit dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

## 8.0 PEGAWAI SERANTA DAN SEKRETARIAT

Pegawai rujukan bagi setiap kategori boleh dirujuk bagi sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut mengenai permohonan dan penyertaan anugerah.

<b>Kategori</b>	<b>Maklumat Pegawai Seranta</b>
Perusahaan Besar dan Sederhana	Gs. Ts. Abdul Mazli Hafiz Bin Abdul Malik Jabatan Alam Sekitar Bintulu Tel: 012-4052940      Emel: mazlihafiz@doe.gov.my
Perusahaan Kecil	Pn Catherine Ramas Anak Sebli Lembaga Kemajuan Bintulu Tel: 013-6735744      Emel: catheriner@bda.gov.my
Sekolah	En Awangku Ali Udin Bin Haji Pengiran Adenani Pejabat Pendidikan Daerah Bintulu Tel: 013-5666644      Emel: awangku.aliudin@moe.gov.my
Komuniti dan Individu	Pn Alissee Sherrylin Anak Bagol Lembaga Kemajuan Bintulu Tel: 016-8972814      Emel: alissee@bda.gov.my

<b>Kategori</b>	<b>Maklumat Sekretariat (Lembaga Kemajuan Bintulu)</b>
Pengerusi	Lydia Soloma Jalong Tel: 013-8071243      Email: lydias@bda.gov.my
Perusahaan Besar dan Sederhana	En. Tang Teck Soon (Perusahaan Besar & Sederhana) Tel: 013-8377587      Emel: tangts1@bda.gov.my
Perusahaan Kecil	Pn. Mary Stephenie Anak Andrek (Perusahaan Kecil) Tel: 013-8252916      Emel: marysa@bda.gov.my
Sekolah	En. Eric Dio Anak Roea (Sekolah) Tel: 016-8078892      Emel: ericdio@bda.gov.my
Komuniti dan Individu	En. Tugang Anak Asong (Komuniti & Individu) Tel: 011-60877762      Emel: tuganga@bda.gov.my

## **9.0 ALAMAT RASMI**

Sekretariat BiSA  
Bilik 200, Pejabat PERBINDA Perbandaraan,  
Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA),  
KM2.5. Jalan Sultan Iskandar,  
97000 Bintulu, Sarawak

No Tel: 086-332662 ext 301  
Emel: [bisa.secretariat@gmail.com](mailto:bisa.secretariat@gmail.com)